



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



SURAT PEKELILING JPS Bil 3/2010

PERATURAN PEMBERIAN LANJUTAN MASA (EXTENSION OF TIME) KONTRAK KERJA MELALUI JAWATANKUASA KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA JPS MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang Penubuhan Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa di JPS dan tatacara permohonan kepada Jawatankuasa tersebut.

2.0 LATARBELAKANG

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) rujukan S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld. 22(7) bertarikh 16 Mei 2007 berkenaan “Pelanjutan Masa (Extension of Time) Bagi Kontrak Projek Kerja” bagi memastikan semua projek Kerajaan disiapkan di dalam tempoh yang ditetapkan. SAP ini telah menegaskan mengenai amalan memberikan pelanjutan masa (Extension of Time atau EOT) secara berulang kali kepada kontraktor hendaklah dihentikan.

Pelanjutan masa hanya boleh dibenarkan kepada kontraktor atas sebab-sebab yang di luar kawalan kontraktor serta sejajar dengan peruntukan dalam Syarat-syarat Kontrak sahaja. Syarat-syarat Kontrak berkaitan adalah:-

- i) Klausula 43 bagi Borang Kontrak JKR 203/203A (sem. 10/83 atau Rev. 2007) bagi kontrak konvensional
- ii) Klausula 45 bagi Borang Kontrak PWD Form DB 2002 Edition bagi kontrak Reka dan Bina.
- iii) Klausula 49 bagi Borang Kontrak PWD Form DB (Rev. 2007) bagi kontrak Reka dan Bina.

Sejajar dengan prinsip perundangan dan juga kontrak binaan, lanjutan masa perlulah diberikan sekiranya dibuktikan bahawa Kerajaan telah menyumbang terhadap kelewatan penyediaan kerja kontraktor di tapak bina atau kelewatan penyediaan kerja adalah atas sebab-sebab “neutral”.

3.0 PENUBUHAN DAN KUASA JAWATANKUASA KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA (JKKLM)

- 3.1 Selaras dengan arahan Kementerian Kewangan Malaysia dan sejajar dengan peruntukan dalam Syarat-syarat Kontrak, JKKLM di tubuhkan di peringkat Jabatan di Ibu Pejabat JPS Malaysia.
- 3.2 Penubuhan JKKLM ini adalah perlu bagi memastikan proses pemberian lanjutan masa dilaksanakan dengan adil dan saksama dan tidak diluluskan dengan sewenang-wenangnya oleh Pegawai Dinamakan di dalam kontrak (PYDK). Ini adalah juga selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan semua projek Kerajaan dilaksanakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan demi memastikan perancangan sistem penyampaian negara tercapai.

- 3.3 Keanggotaan JKKLM JPS Malaysia adalah seperti di [Lampiran A](#).
- 3.4 Urusetia kepada JKKLM ini adalah BUBPK. Permohonan kepada JKKLM hendaklah dibuat melalui urusetia yang bertanggung jawab menyemak dan memastikan dokumen permohonan adalah lengkap mengikut tatacara permohonan. Urusetia akan menentukan tarikh dan mengatur persidangan JKKLM serta merekod ulasan dan keputusan JKKLM.
- 3.5 Dengan penubuhan JKKLM ini **PYDK hanya dibenarkan meluluskan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (PKLM) yang pertama sahaja tanpa perlu merujuk kepada JKKLM.** Kelulusan PKLM seterusnya hanya boleh dikeluarkan oleh PYDK selepas rujukan terlebih dahulu dibuat kepada JKKLM dan persetujuan diperolehi daripada jawatankuasa tersebut.
- 3.6 Walaubagaimanapun, sekiranya tempoh lanjutan masa pertama yang hendak diperakukan melebihi satu (1) tahun atau jika tempoh lanjutan masa pertama adalah melebihi tempoh asal kontrak walaupun kurang daripada setahun, pengeluaran PKLM yang pertama ini hendaklah mendapat persetujuan JKKLM.
- 3.7 Tatacara permohonan kelulusan JKKLM adalah seperti di [Lampiran B](#).
- 3.8 Carta alir proses permohonan kelulusan PKLM adalah seperti di [Lampiran C](#).

4.0 KRITERIA BAGI KELULUSAN LANJUTAN MASA OLEH JKKLM

- 4.1 Sekiranya didapati Kerajaan telah menyumbang kepada kelewatan tersebut atau atas sebab-sebab di luar kawalan kontraktor selaras dengan syarat-syarat kontrak, kontraktor layak diperakukan lanjutan masa yang sewajarnya.
- 4.2 Tempoh lanjutan masa yang disokong untuk kelulusan hendaklah dikira berdasarkan kepada prinsip-prinsip berikut:-
- a. P.P. hendaklah mengambilkira tempoh peristiwa kelewatan yang bertindih atau yang berjalan serentak (*concurrent delays*). P.P. perlulah menilai kelewatan yang bertindih ini dengan mengambilkira kemajuan sebenar pada waktu peristiwa melewati kerja tersebut berlaku.
 - b. Bagi kelewatan yang disebabkan oleh arahan perubahan kerja, tempoh yang mesti dinilai adalah hanya berkaitan dengan kesan kelewatan akibat pengeluaran arahan tersebut sahaja (*direct impact of the delay only*) dan tidak termasuk, contohnya tempoh menguji dan mentauliahkan kerja-kerja mekanikal dan elektrik yang mana sepatutnya telah diambilkira dalam tempoh kontrak yang asal (kecuali bagi kerja-kerja baru yang tidak termasuk dalam skop kontrak asal).
 - c. Kaedah Laluan Genting (*Critical Path Method*) hendaklah dijadikan panduan bagi menentukan samaada kontraktor layak diberi lanjutan masa dan tempohnya. P.P. perlulah mengambilkira samaada aktiviti yang terlewat itu adalah aktiviti yang terletak di dalam laluan kritikal bagi penyiapan projek tersebut.

- d. Kelewatan yang disumbangkan oleh kontraktor sendiri hendaklah diambilkira dan ditolak semasa menilai dan menghitung lanjutan masa yang layak diberi.
- e. Bagi kelewatan yang disebabkan oleh sebab-sebab neutral seperti *force majeure*, keburukan cuaca yang luar biasa, penyatuan pekerja-pekerja setempat, mogok atau tutup pintu para pekerja serta kekurangan bahan binaan di pasaran, pembuktian di pihak kontraktor adalah perlu.
- f. Setelah mengambilkira semua perkara di atas, tempoh lanjutan masa yang layak dipertimbangkan adalah berdasarkan kepada *nett effective delay*.

5. PERKARA LAIN YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

- 5.1 P.P. juga perlulah mengenalpasti *milestone* bagi setiap peringkat pembinaan agar pemantauan terhadap kemajuan kerja dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.
- 5.2 Sekiranya didapati kontraktor tidak layak untuk diberikan lanjutan masa, P.P. hendaklah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap supaya denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan boleh dikenakan terhadap kontraktor. Ini adalah untuk memastikan tempoh penyiapan kontrak itu tidak berada di dalam keadaan *at large* yakni penentuan tarikh penyiapan adalah bebas dan kontraktor boleh menyiapkan kontrak mengikut masanya sendiri.
- 5.3 Sejarar dengan Surat Arahan Perbendaharaan di Para 2.0 surat pekeliling ini, sekiranya kelewatan penyiapan kerja telah mengakibatkan kerugian yang besar di pihak Kerajaan dan ia didapati berpunca daripada pemberian

lanjutan masa yang tidak selaras dengan peruntukan kontrak, tindakan surcaj akan diambil terhadap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab.


- 5.4 Bagi mengelakkan kelambatan penyiapan projek yang berpunca daripada Kerajaan, dokumen tender serta lukisannya hendaklah disediakan dengan sempurna. Ini akan secara langsung membendung bilangan perubahan kerja yang terlibat serta masalah percanggahan di antara dokumen kontrak kelak.
- 5.5 P.P. hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) peringkat Jabatan yang urusetianya sejajar dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 8 Tahun 2009 sekiranya P.P. berpendapat kontraktor tidak lagi berupaya atau bermasalah untuk menyiapkan projek sebagaimana yang telah ditetapkan dalam kontrak.

6 KUATKUASA

Surat pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ianya dikeluarkan dan **hanya berkuatkuasa ke atas kontrak kerja projek-projek yang dilaksanakan oleh JPS di bawah peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sahaja.**

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH SUNGAI KITA”**


2 (DATO' IR HJ. AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

Tarikh : 15 April 2010